

11 OCT 1999

Sulaiman-Calon

SULAIMAN DAUD SERAH KEPADA DR MAHATHIR TENTUKAN KEDUDUKANNYA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan bagi menentukan sama ada beliau akan dicalonkan semula pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Sulaiman yang juga Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), berkata beliau tidak akan memberi pendapat peribadi mengenai isu pencalonannya kerana yang berhak becakap mengenai perkara itu adalah Dr Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN).

"Saya tidak faham kenapa media terlalu berminat mengenai perkara-perkara seperti ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Pengurusan Kualiti Air dan Persidangan Ketujuh Jawatankuasa Kebangsaan bagi Pengairan dan Saliran Malaysia di sini hari ini.

Katanya beliau akan terus memberi khidmat kepada rakyat sekiranya dipilih semula.

Sulaiman berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Bernama pada 5 Okt lepas yang memetik sumber dalaman PBB sebagai berkata bahawa beliau ialah antara beberapa penyandang sedia ada yang tidak akan dicalonkan semula.

Sumber itu berkata Sulaiman digugurkan kerana beliau ialah antara wakil rakyat yang sudah lama berkhidmat dan kawasan yang diwakilinya (Parlimen Petra Jaya) meliputi kawasan bandar yang memerlukan tenaga lebih muda.

Nama lain yang disebut-sebut tidak akan dicalonkan semula ialah Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Anggota Parlimen Bukit Mas Michael Lisa Kaya, Anggota Parlimen Kapit James Jimbun Pungga dan Anggota Parlimen Santubong Rohani Karim.

-- BERNAMA

NY MAI